

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 JAN 2015

Najib: BN cari formula terbaik selesai krisis MIC

um - 31/1/2015

KUALA LUMPUR 30 Jan. - Barisan Nasional (BN) akan mencari formula terbaik yang boleh digunakan untuk menyelesaikan krisis dalaman yang melanda MIC.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, inisiatif itu akan diusahakan oleh beliau sendiri dan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pengerusi BN itu memberitahu, MIC juga telah menerima sarannya agar parti tersebut menghormati moratorium sebagai jalan penyelesaian sementara.

"MIC merupakan rakan kita yang penting dalam BN dan kita memerlukan MIC yang kukuh dan boleh membantu kita dalam semua aspek," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Ibu Pejabat UMNO, Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Selain Muhyiddin, pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO yang turut hadir ialah Naib Presiden, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal; Setiausaha Agung, Datuk Seri Adnan Tengku Mansor; Bendahari Agung UMNO, Datuk Seri

Ahmad Husni Hanadzlah; Ketua Wanita, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Ketua Puteri, Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan Ketua Pengerangan, Datuk Ahmad Maslan.

Krisis dalaman MIC bermula selepas Pendaftar Pertubuhan memaklumkan Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) parti itu yang dipilih pada 2013 tidak sah dan tidak boleh mengiktiraf sebarang lantikan jawatan tertentu seperti Setiausaha Agung sehingga isu pemilihan diselesaikan.

Terdahulu, sewaktu berucap merasmikan Persidangan Antara-bangsa Pengajian Tamil Kesembilan di Universiti Malaya (UM) pagi ini, Najib berharap dua pimpinan tertinggi MIC yang kini bertelagah, Datuk Seri G. Palanivel dan Datuk Seri Dr. S. Subramaniam dapat mencari jalan perdamaian.

"Saya harap mereka dapat berdamai antara satu sama lain," katanya.

Mengenai mesyuarat MT UMNO, Najib menjelaskan, sebanyak 4,995 permohonan keahlian baharu diterima secara dalam talian sejak inisiatif berkenaan dilancarkan pada 18 November lalu.

Menurut beliau, sebanyak 2,993

permohonan lengkap telah diproses serta diserapkan ke dalam UMNO cawangan mengikut alamat pada borang permohonan.

"Bagi 2,002 permohonan yang tidak lengkap, data telah dipadankan dengan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan akan diproses setelah kita melakukan pengesahan.

"Secara umumnya, kita boleh katakan bahawa sambutan terhadap permohonan keahlian baharu UMNO secara dalam talian adalah baik dan positif serta diharap terus meningkat," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Najib yang juga Presiden UMNO menyatakan penghargaan kepada semua pemimpin dan ahli UMNO yang terlibat dalam usaha membantu mangsa-mangsa banjir di beberapa negeri baru-baru ini.

"Usaha kita telah mengurangkan tekanan yang dihadapi mangsa banjir dan kita akan terus membantu mereka," ujarinya.

Beliau turut mengumumkan pelantikan Ketua UMNO Bahagian Hulu Selangor, Mat Nadzari Ahmad Dahlan sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor yang baharu.